

Usah halang projek pertanian

Amaran Noh kepada Kerajaan Negeri yang halang projek pengairan bagi pesawah

TANJONG KARANG - Tindakan Kerajaan Negeri tidak meluluskan permit batuan yang diperlukan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk pembinaan ban bagi Projek Takungan Air Pancang Bedena, Sabak Bernam menyebabkan projek itu lewat disiapkan pada tarikh ditetapkan.

Menterinya, Datuk Seri Noh Omar berkata, projek takungan bernilai RM26 juta yang sepatutnya siap Ogos lalu untuk membantu membekalkan 1.5 juta liter padu air kepada pesawah di Sabak Bernam sekiranya berlaku kekurangan air; namun tindakan birokrasi Kerajaan Negeri hanya menimbulkan masalah.

"Jika permit itu tidak dikeluarkan, projek yang baru 45 peratus siap ini akan mengalami kelewatan dan akhirnya menyusahkan rakyat sedangkan krisis kekurangan air sekarang ini mula beri kesan kepada pesawah.

"Bukan sahaja projek takungan mendapat halangan Kerajaan Negeri, bahkan projek mendalamkan terusan utama dan membersihkan Sungai Tengi yang dilaksanakan Pembangunan Kawasan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor turut menghadapi masalah sama," katanya.

Menurutnya, Kementerian merancang pelbagai pendekatan sejak 2009 bagi menangani kemungkinan kekurangan air yang akan berlaku termasuk membelanjakan lebih RM10 juta untuk mendalamkan terusan utama dan membersihkan Sungai Tengi.

"Dua projek itu turut dapat halangan Kerajaan Negeri yang kononnya tidak ikut peraturan dan tiada kelulusan. Ekoran tiga projek itu, kementerian didenda RM800,000 manakala 15 jentera yang digunakan mendalamkan sungai turut disita.

"Kerajaan Negeri mendakwa pro-



Noh melihat kawasan petak sawah yang diserang penyakit.

jek berkenaan merosakkan pokok dan menceroth tanah sedangkan tiga projek yang menelan belanja hampir RM40 juta itu dilaksanakan untuk kegunaan rakyat terutamanya petani dari Sawah Sempadan sehingga ke Sabak Bernam.

"Kita bayar RM150,000 untuk mengeluarkan jentera bagi membolehkan projek berkenaan diteruskan. Jika kita ambil tindakan mendiamkan diri dan memberhentikan projek itu, kemungkinan krisis kekurangan air yang berlaku sekarang akan menjadi lebih teruk," katanya.

Jangan campur tangan

Noh yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Barisan Nasional (BN) Selangor berkata, Kerajaan Negeri diingatkan supaya tidak menghalang projek pertanian dijalankan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di negeri ini kerana

ia melibatkan kepentingan petani dan pesawah.

"Kerajaan Negeri tidak nampak segala yang dirancang kementerian kerana untuk membantu petani kerana lebih 50 tahun pemerintahan BN segala berjalan lancar; namun kini semua projek mendapat halangan kerana kepentingan politik mereka.

"Kerajaan Negeri jangan jangan terlalu banyak berpolitik dan mengganggu projek Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan sektor pertanian di Selangor kerana hanya akan menyusahkan rakyat," katanya.

Menurutnya, situasi sama turut berlaku pada Projek Loji Rawatan Air Langat 2 yang dihalang pembinaannya sehingga boleh menjerumuskan negeri ini ke dalam krisis air yang kronik.

"Rakyat kena sedar perkara ini dan jika projek Langat 2 ini masih menemui jalan buntu, kita tunggu lagi tiga tahun dan lihat kesan kekurangan bekalan air

bersih terhadap rakyat. Ketika itu kita lihat apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk mengatasinya," katanya.

Mengenai projek yang dihalang itu katanya, Kerajaan Negeri perlu berbincang dan merujuk agensi berkaitan termasuk IADA yang bertanggungjawab merancang pembangunan bersepadu kawasan pertanian sekiranya mahu membuat sebarang keputusan yang merugikan.

Pesawah ada 42 pilihan racun

Dalam pada itu, Noh yang juga Ahli Parlimen Tanjong Karang menyifatkan tuduhan pesawah mendakwa subsidi racun disediakan kerajaan tidak berkualiti adalah fitnah semata-mata kerana mereka ada pilihan 42 racun mengikut kesesuaian tanaman.

"Racun disenaraikan mengikut pilihan pesawah dan terpulang kepada mereka pilih racun terbaik untuk tanaman masing-masing.

"Jika mereka rajin ke sawah dan mengetahui jenis racun yang terbaik, masalah serangan penyakit dapat diatasi," katanya.

Menurutnya, kerajaan menyediakan subsidi racun bernilai RM240 untuk setiap lot sawah.

"Jika petak sawah masih diserang penyakit, pegawai IADA akan turun padang dan mengenal pasti jenis serangan sebelum memberikan racun tambahan mengatasi kerosakan.

"Jadi, sumbangan racun diberikan dua kali untuk membantu petani di kawasan ini, maka tidak timbul isu subsidi disediakan kerajaan tidak berkualiti dan menuduh wujudnya unsur penipuan hingga menjejaskan imej kementerian," katanya.

Beliau berkata demikian selepas turun padang melihat kawasan padi yang terjejas akibat serangan penyakit bintik perang, lecur daun, ulat batang, reput tangkai dan bena perang di kawasan Sawah Sempadan dan Kampung Seri Tiram, semalam.

Dalam lawatan itu katanya, hanya 30 peratus hasil pesawah terjejas kerana serangan penyakit manakala 70 peratus lagi selamat dan secara keseluruhannya, hasil padi musim ini bertambah baik.

"Pesawah dinasihatkan supaya meneruskan amalan pertanian baik dan kerap turun sawah untuk memantau perkembangan padi dan mengenal pasti serangan penyakit supaya kawalan awal dapat diambil.

"Saya ambil berat isu ini dan minta pegawai bantu petani bukan sahaja di negeri ini bahkan masalah yang melanda pesawah di Kedah dan Perlis," katanya.



Noh (kiri) menjelaskan isu yang dibangkitkan ketika lawatan di petak sawah yang diserang penyakit.



Petak sawah yang terjejas akibat serangan padi angin dan bena perang.